



**GARIS PANDUAN
FI LESTARI KE ATAS
PEMEGANG LESEN
PREMIS PENGINAPAN**

Majlis Perbandaran Port Dickson

JUN 2026

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
TAKRIFAN	1
Tetamu	1
Premis Penginapan	1
Pemegang Lesen	2
PENGENAAN DAN KADAR FI LESTARI	2
Pengiraan Fi Lestari	4
PENYATA DAN PEMBAYARAN FI LESTARI	4
PENGECUALIAN DARIPADA FI LESTARI	6
PENDAFTARAN	6
INVOIS DAN REKOD	6
Invois	6
Nota Kredit dan Nota Debit	7
Penyimpanan Rekod	8
PERTANYAAN	9
SOALAN-SOALAN LAZIM	10
LAMPIRAN 1	15

PENGENALAN

1. Garis Panduan ini disediakan untuk menerangkan kenapa bayaran Fi Lestari kepada pemegang lesen premis penginapan di daerah Port Dickson yang diperuntukan di bawah Undang-undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2025 (UUK Hotel MPPD 2025).

TAKRIFAN

Tetamu

2. Istilah "Tetamu" berhubungan dengan sesuatu hotel ditakrifkan di bawah UUK Hotel MPPD 2025 seperti berikut:

“Mana-mana orang yang menumpang atau menyewa mana-mana bilik dalam hotel sama ada dengan bayaran atau tidak tetapi tidak termasuk pekerja-pekerjanya.”

Premis Penginapan

3. Istilah "hotel" ditakrifkan di bawah UUK Hotel MPPD 2025 seperti berikut:
 - (a) di mana orang-orang diberi tempat berlindung atau menginap untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran;
 - (b) di mana bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat berlindung atau menginap itu;
 - (c) termasuklah “homestay” iaitu tempat penginapan keluarga, program pelancongan yang diatur supaya pelancong dapat tinggal bersama keluarga tempatan yang berdaftar di bawah Program Homestay Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia;
 - (d) termasuklah “kampungstay” iaitu tempat penginapan kepada mana-mana orang di kawasan perkampungan atau di rumah tradisional yang diuruskan oleh pengusaha persendirian;
 - (e) termasuklah “townstay” iaitu tempat penginapan kepada mana-mana orang di kawasan bandar seperti rumah teres atau rumah kediaman yang diuruskan oleh pengusaha persendirian;

- (f) termasuklah asrama (kecuali yang ditafsirkan di bawah subperenggan 2 (f)(cc) atau pangsapuri, motel, rumah tumpangan, rumah penginapan atau rumah rehat tetapi tidak termasuk seperti di bawah Undang-undang Kecil 2(f)(aa) sehingga 2(f)(dd), UUK Hotel MPPD 2025; atau
- (g) termasuklah tapak perkhemahan iaitu suatu kawasan tanah yang mempunyai sempadan dan dibangunkan khusus bagi penyediaan penginapan tidur di dalam khemah beserta kemudahan asas seperti tandas, tempat mencuci, memasak dan makan.

Pemegang Lesen

4. Pemegang lesen ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah UUK Hotel MPPD 2025.

PENGENAAN DAN KADAR FI LESTARI

5. Fi Lestari adalah Fi yang dikenakan ke atas tetamu yang menginap di mana-mana premis penginapan di daerah Port Dickson yang disediakan oleh pemegang lesen pada kadar yang ditetapkan iaitu **RM4.00 untuk sebilik semalam**.
6. Pemegang lesen yang menyediakan premis penginapan kepada tetamu adalah bertanggungjawab untuk mengenakan dan memungut Fi Lestari daripada Tetamu yang menginap di premis penginapan tersebut semasa mendaftar masuk.
7. Fi Lestari yang dipungut atau bertanggung untuk dipungut hendaklah diakaun dan dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD). (Tempoh pembayaran rujuk perenggan 18).
8. Tetamu adalah bertanggungjawab untuk membayar Fi Lestari yang dikenakan ke atasnya.
9. “Menginap” dalam konteks pengenaan Fi Lestari adalah apabila Tetamu mendaftar masuk di premis penginapan yang ditempah.
10. “Bilik” dalam konteks pengenaan Fi Lestari merujuk kepada ruang penginapan

yang dikenakan Fi sebagai satu unit sebagaimana yang diiklan atau ditawarkan untuk penempahan.

11. "Kadar bayaran bilik" dalam konteks pengenaan Fi Lestari ialah harga sebuah bilik atau unit yang diiklan atau ditawarkan oleh pemegang lesen premis penginapan.

12. "Malam" dalam konteks pengenaan Fi Lestari bermaksud satu tempoh masa seseorang tetamu mendaftar masuk hingga mendaftar keluar premis penginapan dan dikenakan Fi pada kadar bilik atau unit yang diiklan atau ditawarkan bagi penginapan tersebut.

13. Fi Lestari dikenakan ke atas Fi daftar masuk awal atau daftar keluar lewat sekiranya nilai Fi yang dikenakan pada kadar bilik atau unit yang diiklan atau ditawarkan oleh pemegang lesen premis penginapan.

Contoh 1

Halim telah membuat tempahan untuk menginap di Hotel Pantai pada 25 November 2025 pada harga bilik RM100.00. Masa daftar masuk yang dibenarkan oleh hotel adalah pada jam 2.00 petang. Walau bagaimanapun, Halim telah tiba di Hotel Pantai pada jam 6.00 pagi dan ingin mendaftar masuk lebih awal daripada masa yang ditetapkan. Hotel Pantai telah membenarkan Halim berdaftar masuk lebih awal daripada masa yang ditetapkan dan telah mengenakan Fi tambahan yang bersamaan dengan harga bilik semalam iaitu RM100.00. Oleh itu, Halim perlu membayar Fi Lestari sebanyak RM8.00 (2 malam).

14. Penginapan percuma yang ditawarkan oleh pemegang lesen kepada Tetamu turut dikenakan bayaran Fi Lestari.

Contoh 2

Amran telah memenangi satu cabutan bertuah berupa penginapan percuma selama satu malam di Hotel Cahaya. Hotel Cahaya selaku pemegang lesen premis penginapan hendaklah mengenakan dan memungut Fi Lestari ke atas bilik percuma yang disediakan kepada Amran.

15. Deposit atau bayaran pendahuluan ke atas sesuatu tempahan premis penginapan semata-mata adalah tidak tertakluk kepada Fi Lestari.

Pengiraan Fi Lestari

16. Fi Lestari dikenakan sebanyak RM4.00 bagi harga satu bilik atau unit yang diiklan atau ditawarkan oleh pemegang lesen premis penginapan untuk satu malam.

Contoh 3

Linda telah menempah satu bilik untuk dua malam di Hotel Alam (pemegang lesen premis penginapan yang berlesen dengan MPPD) dan dikenakan Fi bilik pada kadar RM200.00. Pengiraan Fi Lestari adalah seperti berikut:

Bayaran dikenakan	Kadar	Jumlah (RM)
<i>Fi bilik</i>	<i>RM200.00 x 1 bilik x 2 malam</i>	<i>400.00</i>
<i>Cukai Perkhidmatan (8%)</i>	<i>RM400.00 x 8%</i>	<i>32.00</i>
<i>Fi Lestari</i>	<i>RM4.00 x 1 bilik x 2 malam</i>	<i>8.00</i>
<i>Jumlah Bayaran Dikenakan</i>		<i>440.00</i>

PENYATA DAN PEMBAYARAN FI LESTARI

17. Tempoh bayaran kutipan Fi Lestari kepada Majlis Perbandaran Port Dickson bagi setiap pemegang lesen premis penginapan hendaklah **sebelum 28 hari bulan** pada bulan berikutnya.

18. Setiap pemegang lesen premis penginapan dikehendaki menyediakan laporan Fi Lestari bagi setiap tempoh kutipan dengan menggunakan **Sistem MyLestari** dan hendaklah dikemukakan serta membuat bayaran kepada MPPD secara atas talian atau secara sendiri ke kaunter MPPD sebelum 28 hari bulan pada bulan berikutnya.

19. Penyata perlu dikemukakan secara atas talian dan tarikh penerimaan penyata adalah berdasarkan tarikh yang diterima oleh Sistem MyLestari.

20. Pembayaran Fi Lestari dan apa-apa penalti yang kena dibayar boleh dibuat secara sendiri dan melalui Sistem MyLestari seperti berikut:

a) Pembayaran secara sendiri boleh menggunakan tunai, kad debit, kad kredit dan deraf bank di kaunter bayaran MPPD.

b) Bayaran deraf bank dibuat atas nama "Majlis Perbandaran Port Dickson"

c) Waktu terima transaksi :

Tunai dan deraf bank - 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja

Kad debit dan kad kredit - 8.00 pagi hingga 4.00 petang

21. Pemegang lesen digalakkan untuk membuat bayaran awal bagi membolehkan masa yang mencukupi untuk menjelaskan deraf bank dan seterusnya untuk mengelakkan penalti.

22. Jika mana-mana Fi Lestari yang genap masanya kena dibayar di bawah Undang-undang Kecil 30, UUK Hotel MPPD 2025 tidak dibayar, adalah menjadi suatu tunggakan dan ia boleh dituntut di bawah Undang-undang Kecil 33, UUK Hotel MPPD 2025.

23. Tindakan untuk menuntut tunggakan seperti di Undang-undang Kecil 33 hingga 37, UUK Hotel MPPD 2025.

24. Pemegang lesen premis perniagaan yang berhenti dikehendaki mengemukakan kenyataan bertulis dalam tempoh kutipan terakhir tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas pendaftarannya terhenti.

25. Jika pemegang lesen tidak menerima apa-apa bayaran Fi Lestari dalam sesuatu tempoh kutipan, pemegang lesen masih perlu untuk mengemukakan kenyataan bertulis kepada MPPD.

PENGECUALIAN DARIPADA FI LESTARI

26. Hanya Majlis Perbandaran Port Dickson boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada membayar kesemua atau mana-mana bahagian daripada Fi Lestari merujuk Undang-undang Kecil 31, UUK Hotel MPPD 2025.

PENDAFTARAN

27. Semua pemegang lesen premis penginapan dikehendaki untuk mendaftar maklumat hotel di dalam Sistem MyLestari.

INVOIS DAN REKOD

Invois

28. Invois, resit atau dokumen lain hendaklah dikeluarkan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris kepada penghuni/tetamu premis penginapan dan hendaklah menyatakan kadar dan amaun Fi Lestari sepatutnya dibayar secara berasingan daripada Fi penginapan yang dikenakan oleh pemegang lesen. Dokumen lain adalah termasuk pesanan tempatan, sebut harga, penyata akaun dan lain-lain yang berkaitan.

29. Mana-mana orang atau premis yang bukan pemegang lesen penginapan tidak dibenarkan untuk mengeluarkan suatu invois, resit atau dokumen lain yang menunjukkan amaun berupa Fi Lestari.

30. Butiran yang dikehendaki untuk dinyatakan dalam invois, resit atau dokumen lain adalah seperti berikut:

- a. nombor siri invois atau resit;
- b. tarikh invois atau resit;
- c. nama dan alamat pemegang lesen;
- d. bilangan hari bagi setiap penginapan yang disediakan; dan
- e. kadar dan jumlah Fi Lestari kena dibayar, secara berasingan daripada Fi bayaran bilik untuk penginapan yang disediakan oleh pemegang lesen.

31. Bagi pemegang lesen di bawah UUK Hotel MPPD 2025, yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan juga Akta Cukai Perkhidmatan 2018, pemegang lesen boleh mengeluarkan satu invois yang sama dengan mengandungi butiran yang dikehendaki secara berasingan oleh kedua-dua Akta tersebut.

32. Pemegang lesen dianggap telah mengeluarkan suatu invois, resit atau dokumen lain kepada Tetamu sekiranya butiran yang ditetapkan telah direkod dalam komputer dan dihantar atau tersedia kepada tetamu secara elektronik atau dikeluarkan atas apa-apa bahan dan diserahkan kepada tetamu.

33. Contoh invois boleh dilihat di **LAMPIRAN 1**.

Nota Kredit dan Nota Debit

34. Jika pemegang lesen mengeluarkan nota kredit atau nota debit atas sebab perubahan dalam pengenaan Fi Lestari atau atas sebab pelarasan dalam transaksi perniagaan, pelarasan hendaklah dibuat oleh pemegang lesen dalam Sistem MyLestari.

35. Pelarasan hanya boleh dibuat dalam tahun semasa di mana nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan sekiranya Fi Lestari telah diakaunkan oleh pemegang lesen kepada MPPD.

36. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan dokumen sokongan seperti baucar pembayaran sebagai bukti bahawa telah mengeluarkan nota kredit dan mengembalikan atau membayar balik amaun Fi Lestari kepada tetamu berkenaan.

37. Nota kredit atau nota debit yang dikeluarkan hendaklah mengandungi butiran berikut:

- a. nombor siri nota kredit atau nota debit;
- b. tarikh nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;
- c. nama, alamat dan nombor akaun lesen;
- d. nombor siri dan tarikh invois atau resit yang asal;

- e. sebab nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;
- f. bilangan hari penginapan bagi setiap penginapan disediakan yang berkaitan; dan
- g. kadar dan amaun Fi Lestari yang dikenakan.

38. Sekiranya pemegang lesen telah berhenti dan mengeluarkan nota kredit atau nota debit yang berkaitan dengan invois semasa dia menjadi pemegang lesen, pemegang lesen hendaklah membuat pelarasan dalam Sistem MyLestari bagi tempoh kutipan terakhir sebelum dia berhenti menjadi pemegang lesen.

Penyimpanan Rekod

39. Adalah menjadi kewajipan bagi pemegang lesen premis penginapan untuk menyimpan rekod perakaunan dan apa-apa rekod yang berkaitan dengan Fi Lestari selama tujuh (7) tahun. Rekod tersebut hendaklah disimpan di Malaysia melainkan jika diluluskan oleh Yang Dipertua untuk rekod tersebut disimpan di negara lain selain daripada Malaysia.

40. Jika rekod disimpan secara elektronik, rekod itu mestilah boleh dicapai dan mudah diubah ke dalam bentuk bertulis. Sekiranya rekod pada mulanya disimpan dalam bentuk manual tetapi kemudiannya diubah ke dalam bentuk elektronik, rekod tersebut hendaklah kekal disimpan dalam bentuk asal sebelum ianya diubah.

41. Sekiranya pemegang lesen diaudit oleh MPPD berkaitan pengecualian pengenaan Fi Lestari, pemegang lesen hendaklah membuktikan apa-apa maklumat berkaitan tetamu yang mendapat pengecualian tersebut.

PERTANYAAN

Sila hubungi alamat di bawah untuk sebarang pertanyaan berkaitan Garis Panduan ini:

Jabatan Kewangan
Majlis Perbandaran Port Dickson
KM 1, Jalan Pantai,
71009 Port Dickson,
Negeri Sembilan.

Maklumat selanjutnya boleh didapati di :

- a. Laman web : **mppd.gov.my**
- b. Emel : **jp@mppd.gov.my**
- c. Telefon : **06-6471122 / 06-6462781**

SOALAN-SOALAN LAZIM

S1: Sebuah hotel butik menyediakan bilik eksekutif secara percuma selama 2 jam dari waktu daftar keluar. Adakah tempoh lanjutan 2 jam tersebut tertakluk kepada Fi Lestari ?

J1: Tidak. Fi Lestari tidak dikenakan ke atas lanjutan masa penginapan yang diberi percuma kerana tiada bayaran dikenakan untuk lanjutan penginapan tersebut.

S2: Jika diskaun diberikan oleh pemegang lesen ke atas caj bilik, adakah diskaun itu mempengaruhi kadar Fi Lestari ?

J2: Tidak, kadar Fi Lestari masih tetap pada kadar RM4.00 sebilik semalam.

S3: Seorang tetamu membuat tempahan di sebuah hotel selama 10 malam tetapi menginap selama 5 malam sahaja. Berapakah jumlah Fi Lestari yang dikenakan?

J3: Jumlah Fi Lestari yang dikenakan adalah untuk 5 malam penginapan sahaja iaitu RM20.00 sekiranya pemegang lesen memulangkan semula bayaran bilik bagi lima (5) malam yang tidak diinap. Jika pemegang lesen tidak memulangkan semula bayaran bagi lima (5) malam yang tidak diinap, maka pemegang lesen hendaklah mengakaun dan membayar keseluruhan Fi Lestari iaitu RM40.00 ($RM4.00 \times 10$ malam) kepada MPPD.

S4: Laila telah menempah sebuah bilik selama dua (2) malam dengan kadar bayaran penuh. Namun, Laila gagal untuk menginap bagi tempoh tersebut. Oleh itu, pihak hotel telah mengenakan penalti dengan nilai yang bersamaan caj satu malam penginapan. Adakah tempahan bilik penginapan yang dikenakan penalti tersebut tertakluk kepada Fi Lestari?

J4: Tidak. Fi Lestari tidak dikenakan kerana Laila gagal untuk menginap dan tidak berdaftar masuk di bilik yang ditempahnya.

S5: Sebuah syarikat Pelancongan menawarkan pakej pelancongan yang meliputi penginapan di beberapa hotel di Malaysia, makan dan minum serta lawatan ke taman tema. Adakah Fi Lestari dikenakan ke atas pakej pelancongan itu?

J5: Ya. Fi Lestari hanya dikenakan ke atas penginapan di hotel sahaja mengikut bilangan malam menginap.

S6: Adakah Fi Lestari dikenakan ke atas sewa bilik penginapan yang ditempah secara dalam talian melalui platform digital?

J6: Ya, Fi Lestari akan dikenakan semasa tetamu mendaftar masuk.

S7: Adakah Fi Lestari dikenakan ke atas sewaan bankuet / dewan tari / bilik mesyuarat yang disediakan di premis penginapan?

J7: Tidak, Fi Lestari tidak dikenakan ke atas sewaan bankuet / dewan tari / bilik mesyuarat.

S8: Adakah kelab persendirian yang menyediakan tempat penginapan perlu didaftarkan di bawah Mylestari?

J8: Ya, kelab persendirian adalah pemegang lesen.

S9: Seorang pemegang lesen yang memiliki sebuah hotel telah menjual hotelnya kepada pemilik baharu. Bolehkah pemilik baharu meneruskan pendaftaran Fi Lestari sedia ada atau pemilik baharu tersebut perlu memohon pendaftaran baharu untuk Fi Lestari?

J9: Pemilik lama hendaklah memohon pembatalan pendaftaran manakala pemilik baharu hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran baharu sebagai pemegang lesen premis penginapan di Sistem MyLestari. Majlis juga boleh membatalkan pendaftaran Fi Lestari jika hotel bertukar pemilik.

S10: Terdapat 6 kondominium dengan 6 pemilik dan pemilik-pemiliknya melantik seorang ejen untuk mewakili mereka bagi menyediakan penginapan kepada tetamu. Adakah ejen yang mewakili pemilik kondominium itu bertanggungjawab untuk mendaftar di mylestari?

J10: Ya. Ejen yang mewakili 6 pemilik kondominium tersebut selaku pemegang lesen premis penginapan adalah perlu mendaftar dalam Sistem Mylestari.

S11: Adakah Fi Lestari perlu dikenakan oleh seseorang majikan selaku pemegang lesen premis penginapan yang menyediakan penginapan kepada para pekerja dengan bayaran?

J11: Tidak. Penginapan yang disediakan oleh seseorang majikan sebagai kemudahan kepada pekerja sama ada dengan bayaran atau tanpa bayaran kerana bukan di bawah kategori .

S12: Adakah pemegang lesen premis penginapan perlu mengemukakan penyata bulanan walaupun tiada sebarang Fi Lestari dipungut dalam tempoh tersebut?

J12: Ya, pemegang lesen masih perlu mengemukakan penyata NIL bagi tempoh tersebut.

S13: Pemegang lesen memiliki 3 hotel di 3 lokasi berbeza iaitu Lukut, Pasir Panjang dan Telok Kemang. Untuk serahan penyata Fi Lestari, bolehkah ianya dilakukan di bawah satu akaun seperti serahan kumpulan?

J13: Tidak, pendaftaran Fi Lestari berdasarkan premis penginapan. Setiap premis penginapan didaftarkan secara berasingan. Oleh itu, pemegang lesen dikehendaki mengemukakan penyata Fi Lestari secara berasingan bagi setiap premis penginapan.

S14: Bolehkah Fi Lestari yang dinyatakan pada invois diasingkan untuk setiap tetamu yang menginap di bilik yang sama?

J14: Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk mengasingkan Fi Lestari berdasarkan bilangan penginap/tetamu dalam satu bilik yang sama kerana Fi Lestari dikenakan atas dasar bilik penginapan dan bukan bilangan penginap/tetamu dalam sesebuah bilik.

S15: Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengakaun Fi Lestari jika penginap enggan membayarnya?

J15: Pemegang lesen premis penginapan bertanggungjawab untuk mengakaunkan Fi Lestari yang enggan dibayar oleh penginapannya.

S16: Bilakah saya perlu mengenakan Fi Lestari untuk kontrak tempahan berkumpulan pada masa hadapan di mana saya menerima bayaran terlebih dahulu untuk tempahan tersebut di hotel saya ?

J16: Apabila pemegang lesen yang berdaftar untuk Fi Lestari menerima bayaran terlebih dahulu, pemegang lesen tidak dikehendaki untuk mengenakan Fi Lestari sehinggalah kumpulan tetamu itu menginap dan mendaftar masuk.

S17: Aisyah telah menerima hadiah berupa bawcer penginapan selama 2 hari 1 malam. Adakah Aisyah mendapat pengecualian bayaran Fi Lestari?

J17: Tidak. Aisyah perlu membayar Fi Lestari mengikut jumlah malam dia menginap semasa mendaftar masuk.

S18: Seorang ejen Pelancongan telah memperoleh ganjaran bilik penginapan dari pihak hotel. Adakah ejen tersebut mendapat pengecualian bayaran Fi Lestari?

J18: Tidak. Ejen tersebut tetap perlu membayar Fi Lestari mengikut jumlah malam dia

menginap.

S19: Aminah telah menyewa selama 30 hari di sebuah bilik penginapan di Hotel Kapur. Adakah Aminah mendapat pengecualian bayaran Fi Lestari?

J19: Tidak. Aminah perlu membayar Fi Lestari mengikut jumlah malam dia menginap.

S20: Adakah kursus atau latihan oleh jabatan kerajaan yang menginap di hotel dikenakan Fi Lestari ?

J20: Ya. Fi Lestari dikenakan kepada tetamu yang menginap di mana-mana premis penginapan di daerah Port Dickson.

LAMPIRAN 1

Contoh invois yang dikeluarkan oleh pemegang lesen MPPD yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 yang juga berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 ;

HOTEL GRAND SDN. BHD. Jalan Pantai 71000 Port Dickson Tel : 06-8768356 Email : hotel.abc@gmail.com			 SST ID: (WXX-1901-32000XXX) TTx ID : (000012345789)		
INVOICE					
Bill to: Hakim Bin Syarie No 76 Jalan Masjid 06000 Jitra Kedah			Invoice No: 870008 Date : 5 Disember 2025		
Date	Description	Amount (RM)			
3 Disember 2025	Room charges (RM200.00/night)	400.00			
to					
5 Disember 2025	Service charge (10% X RM400.00)	40.00			
	Total	440.00			
	Service Tax (6%)	26.40			
	Fi Lestari (RM4/night)	8.00			
	Tourism Tax (RM10/night)	20.00			
	TOTAL CHARGES	RM494.40			

Contoh invoice yang dikeluarkan oleh pemegang lesen MPPD yang berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 ;

HOTEL VIEW SDN. BHD. Jalan Ulam 47000 Petaling Jaya Selangor Tel : 03-8768356 Email.: hotel.view@yahoo.com		
		TTx ID : (000098764321)
INVOICE		
Bill to: Kenneth Leow 25, Kent Ridge Road Singapore 119077		Invoice No: 870008 Date : 5 November 2025
Date	Description	Amount (RM)
3 – 4 Nov. 2025	Room charges	150.00
	Service charge	15.00
4 - 5 Nov. 2025	Room charges	150.00
	Service charge	15.00
	Fi Lestari (RM4/night)	8.00
	Tourism Tax (RM10/night)	20.00
	TOTAL CHARGES	RM358.00